



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PESTA KANOWIT 2023 WADAH SEMARAK PERPADUAN

---

**KANOWIT, 24 September 2023** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah menyempurnakan **Majlis Penangguhan Pesta Kanowit 2023**. Pesta Kanowit adalah satu acara yang **menggabungkan budaya, tradisi, dan masyarakat** dengan penuh kebanggaan. Pesta ini merupakan satu acara yang sangat dinanti-nantikan dengan pelbagai persembahan kesenian, makanan yang lazat, acara sukan dan sebagai platform mempromosikan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Pesta Kanowit diadakan bertujuan untuk menarik pengunjung luar Daerah Kanowit sekaligus **mempromosikan Daerah Kanowit** sebagai satu tarikan pelancong ke luar bandar. **'Where Memories Are Made'** adalah slogan bagi Pesta Kanowit, yang membawa maksud bahawa setiap pengunjung yang datang ke pesta ini akan membawa 1001 kenangan yang sentiasa akan diingati.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa pesta ini sangat istimewa kerana dapat **menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang atau kepercayaan** untuk sama-sama meraikan keindahan dan keragaman budaya serta warisan yang ada di Kanowit. "Pesta Kanowit adalah masa yang tepat untuk **kita semua bersatu, berhubung, dan merayakan semangat kebersamaan** yang telah mekar dalam diri dalam kalangan kita selama ini," ujar YB Datuk Aaron.

Menurut beliau Pesta Kanowit ini adalah **selari dengan inisiatif 'Ini Warisan Kita'** yang diperkenalkan oleh Kementeriannya sebagai pengisian utama dalam program *flagship* Kementerian Perpaduan Negara iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI. Inisiatif tersebut adalah satu usaha untuk **meningkatkan pengalaman 'feel good factor' yang berupaya menyuntik semangat cinta kepada tanah air** melalui penghayatan terhadap kepelbagaian khazanah yang kita warisi sejak turun temurun lagi.

“Ini adalah **contoh bagaimana perbezaan boleh menjadi sumber kekuatan** kita, dan saya berharap agar **Pesta Kanowit ini akan sentiasa menjadi titik pertemuan yang memupuk pemahaman dan toleransi** di kalangan kita semua,” ujar beliau lagi.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

24 September 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (61)